

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

**HGA 101 Pengantar Geografi**

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LAPAN (8) soalan dalam TIGA (3) muka surat

Jawab **EMPAT (4)** soalan.

1. Tuliskan dengan ringkas mana-mana dua (2) daripada berikut:

- [a] Proses pembentukan tanah-tanah
- [b] Taksonomi Tanah-tanah
- [c] Ekosistem Pertanian masakini
- [d] Masalah pertanian dunia

(25 markah)

2. Jawab tiga (3) daripada yang berikut:

- [a] Huraikan secara terperinci bagaimana anda dapat menentukan kecerunan satu garis ukur yang berjarak 150 meter?
- [b] Andaikan bahawa anda mempunyai seutas rantai yang panjangnya 30 meter. Dengan menggunakan bantuan gambarajah huraikan tiga (3) kaedah untuk menentukan lebar sebuah paya yang berukuran 50 meter dengan kaedah ukur rantai sahaja.
- [c] Apabila memilih tapak garis dasar, apakah perkara-perkara yang mesti dipertimbangkan?
- [d] Berdasarkan kepada Jadual I, betulkan bearing-bearing cerapan supaya ia bebas daripada tarikan tempatan.

- [e] Sekiranya sesuatu terabas ukur kompas tertutup mempunyai ralat tikaian, apakah punca-punca ralat yang menyebabkan tikaian tersebut? Huraikan bagaimana tikaian tersebut dapat dilaraskan.

(25 markah)

**JADUAL 1**

**Bearing Cerapan Sesuatu Ukur Kompas**

Garis	Bearing Cerapan
AE	313°
AB	82°
BA	261°
BC	349°
CB	168°
CD	298°
DC	118°
DE	231°
ED	50°
EA	130°

3. [a] Apakah yang difahamkan dengan teori hanyutan benua?

(10 markah)

- [b] Bincangkan hujah-hujah yang telah dikemukakan untuk menyokong teori kenyataan benua.

(15 markah)

4. Terangkan secara terperinci bagaimana pelbagai kegiatan manusia telah mengubah ciri-ciri iklim setempat dan sedunia.

(25 markah)

5. [a] Lukiskan sebuah gambarajah profil rentas untuk menunjukkan perubahan tumbuhan dari pantai di sekitar Kota Kinabalu ke puncak Gunung Kinabalu di Sabah.

(10 markah)

- [b] Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan perubahan tumbuhan di dalam profil rentas di 5[a].

(15 markah)

6. Berdasarkan contoh-contoh tertentu bincangkan sejauhmana relevannya konsep-konsep determinisme alam sekitar dan posibilisme dalam kehidupan manusia pada hari ini.

(25 markah)

7.uraikan konsep 'analisis ruangan' sebagai asas kepada kajian geografi masakini.

(25 markah)

8. Di dalam bidang geografi terdapat geografi wilayah "lama" dan geografi wilayah "baru" (Leonard Guelke, 1977).

[a] Apakah ciri-ciri geografi wilayah "lama" dan geografi wilayah "baru"?

(15 markah)

[b] Jelaskan kekuatan dan kelemahan kedua-dua jenis geografi wilayah ini.

(10 markah)

-ooo000ooo-